BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

SIARAN AKHBAR

No. Ruj: 03/15/05

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum jam 1800 hari Rabu, 11 Mac 2014

Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2014

Pada tahun 2014, ekonomi global berkembang pada kadar yang sederhana, dengan pertumbuhan tidak sekata merentas dan di dalam rantau. Dalam ekonomi maju, sementara pertumbuhan di AS terus menunjukkan tanda-tanda penambahbaikan yang lebih meluas, aktiviti ekonomi di kawasan euro dan Jepun kekal lembap. Di Asia, kebanyakan ekonomi mendapat manfaat daripada permintaan luar negeri yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, pertumbuhan ekonomi adalah berbeza-beza merentas rantau disebabkan oleh permintaan dalam negeri yang menjadi sederhana dalam beberapa ekonomi berikutan perkembangan khusus dalam negara-negara tersebut. Dalam tempoh berikutnya pada tahun itu, risiko pertumbuhan global yang lebih perlahan telah muncul semula akibat perkembangan geopolitik di Eropah Timur dan Timur Tengah, aktiviti ekonomi yang lebih lemah daripada jangkaan dalam beberapa ekonomi utama, dan kebimbangan yang semakin meningkat terhadap prospek pertumbuhan ekonomi sedang pesat membangun yang menjadi pengeluar komoditi. Ini berikutan kejatuhan harga minyak dan komoditi lain yang ketara pada separuh kedua tahun tersebut. Tekanan inflasi kekal sederhana dalam kebanyakan ekonomi, mencerminkan pertumbuhan gaji yang sederhana dalam ekonomi maju dan penurunan harga komoditi global yang ketara. Pasaran kewangan global telah dicirikan oleh dua perkembangan yang berbeza pada tahun 2014, iaitu turun naik yang rendah dalam tempoh lapan bulan pertama tahun itu, diikuti turun naik yang lebih tinggi dalam tempoh yang berikutnya. Peningkatan turun naik pada tempoh akhir tahun 2014 didorong oleh ketidakpastian berkaitan usaha untuk mengembalikan semula dasar monetari kepada keadaan yang wajar di AS, kemunculan semula kebimbangan terhadap prospek pertumbuhan global, dan ketidakpastian yang meningkat tentang implikasi kejatuhan harga komoditi yang mendadak terhadap negara pengeluar komoditi.

Ekonomi Malaysia berkembang pada kadar yang lebih kukuh pada tahun 2014 dengan pertumbuhan didorong oleh permintaan dalam negeri swasta yang terus kukuh dan pertumbuhan yang positif dalam eksport bersih.

Laporan Tahunan ini memberikan analisis perkembangan ekonomi Malaysia dan dasar yang dilaksanakan oleh Bank pada tahun 2014. Laporan ini juga mengandungi penilaian tentang prospek ekonomi Malaysia berdasarkan perkembangan semasa dan cabaran masa hadapan.

Ekonomi Malaysia pada Tahun 2014

Ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan yang lebih kukuh sebanyak 6.0% pada tahun 2014 (2013: 4.7%), didorong terutamanya oleh permintaan dalam negeri yang terus mantap serta disokong pula oleh prestasi perdagangan luar negeri yang bertambah baik. Eksport bersih kembali pulih untuk menyumbang secara positif kepada pertumbuhan setelah tujuh tahun berturut-turut mencatat sumbangan yang negatif. Ini berikutan manfaat yang diperoleh Malaysia daripada pemulihan dalam ekonomi maju dan permintaan yang berterusan daripada ekonomi serantau. Sementara pertumbuhan permintaan dalam negeri swasta kekal kukuh, perbelanjaan sektor awam telah mencatat pertumbuhan yang lebih perlahan, sejajar dengan usaha konsolidasi fiskal oleh Kerajaan.

Penggunaan swasta meningkat 7.1% pada tahun 2014, disokong oleh pertumbuhan pendapatan yang menggalakkan dan keadaan pasaran pekerja yang stabil. Pertumbuhan penggunaan swasta juga disokong oleh bantuan bersasaran Kerajaan kepada isi rumah berpendapatan rendah dan sederhana. Ini sebahagiannya telah mengimbangi beberapa kesan yang melembapkan pertumbuhan perbelanjaan isi rumah lantaran kos sara hidup yang lebih tinggi berikutan pelarasan terhadap harga ditadbir. Penggunaan awam mencatat kadar pertumbuhan yang lebih perlahan sebanyak 4.4% berikutan peningkatan yang sederhana dalam perbelanjaan Kerajaan untuk bekalan dan perkhidmatan. Kadar pertumbuhan ini adalah sejajar dengan inisiatif rasionalisasi perbelanjaan yang diumumkan menjelang akhir tahun 2013.

Walaupun pertumbuhan dalam **pembentukan modal tetap kasar** (PMTK) keseluruhan menjadi sederhana kepada 4.7%, pelaburan swasta meningkat 11.0% pada tahun 2014. Oleh itu, bahagian pelaburan swasta dalam PMTK meningkat kepada 64% (2013: 60%). Pertumbuhan pelaburan swasta yang dicatat dalam industri berorientasikan eksport dan berorientasikan dalam negeri didorong terutamanya oleh sektor perkhidmatan dan perkilangan. Pelaburan awam menguncup 4.9% berikutan penurunan perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan dan perbelanjaan modal yang lebih rendah oleh perusahaan awam. Perbelanjaan modal oleh perusahaan awam ini mencerminkan terutamanya beberapa projek utama yang telah siap dan hampir siap.

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

Dari segi penawaran, semua sektor ekonomi mencatat kadar pertumbuhan yang lebih tinggi pada tahun 2014, didorong oleh faktor dalam dan luar negeri. Khususnya, pemulihan dalam ekonomi maju dan permintaan yang berterusan daripada ekonomi serantau menyebabkan sektor perkilangan mencatat pertumbuhan yang kukuh sebanyak 6.2%. Sektor perkhidmatan kekal sebagai penyumbang terbesar kepada pertumbuhan dengan peningkatan sebanyak 6.3% (2013: 5.9%).

Keadaan pasaran pekerja kekal stabil apabila pertumbuhan yang berterusan di seluruh sektor ekonomi mengekalkan permintaan terhadap pekerja. Kadar penyertaan tenaga kerja dan jumlah guna tenaga meningkat, manakala kadar pengangguran menurun kepada 2.9%.

Inflasi keseluruhan mencatat kadar purata 3.2% pada tahun 2014 (2013: 2.1%). Selepas meningkat pada awal tahun, inflasi menjadi sederhana pada empat bulan terakhir disebabkan oleh inflasi makanan yang lebih rendah, luputnya kesan pelarasan harga bahan api pada bulan September 2013, dan pelarasan ke bawah harga bahan api berikutan pelaksanaan mekanisme penentuan harga apungan terurus. Inflasi pada tahun itu didorong terutamanya oleh faktor kos dalam negeri yang berpunca daripada pelarasan harga beberapa barangan harga ditadbir sejak akhir tahun 2013. Walau bagaimanapun, tahap kesan limpahan terhadap harga barangan dan perkhidmatan lain adalah terbendung berikutan harga global yang lemah, keadaan permintaan dalam negeri yang stabil, dan keupayaan firma untuk menampung sebahagian daripada peningkatan kos input. Oleh itu, inflasi teras mencatat kadar purata 2.4% (2013: 1.8%). Kesan limpahan yang terbendung dan ketiadaan tekanan gaji yang keterlaluan juga mengurangkan risiko kesan pusingan kedua.

Sektor luar negeri Malaysia kekal berdaya tahan dalam persekitaran global yang masih tidak menentu. Lebihan akaun semasa meningkat berbanding dengan tahun sebelumnya, manakala paras rizab antarabangsa kekal tinggi dan lebih daripada mencukupi untuk memenuhi obligasi jangka pendek, serta menyediakan penampan yang mencukupi terhadap kejutan luaran. Pada separuh pertama tahun 2014, akaun semasa mencatat lebihan yang lebih tinggi sebanyak RM35.8 bilion, didorong oleh lebihan perdagangan yang lebih kukuh dalam keadaan defisit perkhidmatan dan pendapatan yang lebih kecil. Pertumbuhan eksport kasar adalah lebih meluas dalam keadaan permintaan yang bertambah baik merentas pasaran dan produk. Pada separuh kedua tahun 2014, lebihan akaun semasa mengecil kepada RM13.7 bilion berikutan lebihan perdagangan yang lebih rendah dan defisit akaun perkhidmatan dan pendapatan yang lebih besar. Walaupun penurunan harga minyak mentah menyebabkan perolehan eksport yang lebih rendah, kesan bersih terhadap

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

perdagangan keseluruhan telah diimbangi sedikit sebanyak oleh penurunan import produk petroleum. Tambahan lagi, harga komoditi utama lain, khususnya gas cecair asli (LNG) dan minyak sawit mentah (MSM) yang kekal tinggi, telah memberikan sokongan kepada eksport komoditi keseluruhan. Pertumbuhan import keseluruhan menjadi sederhana berikutan pertumbuhan import barangan penggunaan yang lebih rendah dan penurunan dalam import barangan modal, sejajar dengan pertumbuhan perbelanjaan modal yang menjadi sederhana pada separuh kedua tahun 2014. Bagi tahun 2014 keseluruhannya, akaun semasa mencatat lebihan sebanyak RM49.5 bilion atau 4.8% daripada pendapatan negara kasar (PNK) (2013: RM39.9 bilion atau 4.2% daripada PNK).

Akaun kewangan terus mengalami aliran kewangan dua hala, melibatkan urus niaga kewangan merentas sempadan oleh pemastautin dan bukan pemastautin. Mencerminkan keyakinan kepada daya tahan dan prospek pertumbuhan ekonomi Malaysia, aliran pelaburan langsung asing (FDI) adalah berterusan dan disalurkan terutamanya ke sektor perlombongan, perkhidmatan kewangan, dan sektor perkhidmatan perdagangan edaran. Aliran pelaburan langsung keluar oleh syarikat Malaysia didapati lebih tinggi pada tahun itu, dipacu oleh pelaburan dalam sektor perlombongan, maklumat dan komunikasi, serta perkhidmatan kewangan. Bagi sebahagian besar tahun 2014, prospek global yang bertambah baik dan prestasi ekonomi Malaysia yang mantap telah mendorong minat bukan pemastautin yang tinggi terhadap aset kewangan Malaysia. Oleh yang demikian, Malaysia mengalami aliran masuk portfolio oleh bukan pemastautin sebanyak RM11 bilion pada tiga suku pertama tahun 2014, yang disalurkan terutamanya ke pasaran sekuriti hutang. Walau bagaimanapun, sentimen pelabur bertukar negatif pada suku keempat berikutan kebimbangan terhadap prospek pertumbuhan global yang semakin lemah, kemungkinan peningkatan dalam kadar faedah di AS dan penurunan harga minyak yang mendadak. Akibatnya, berlaku aliran keluar bersih pelaburan portfolio bukan pemastautin sebanyak RM20.6 bilion pada suku keempat, terutamanya Nota Monetari Bank Negara. Bagi keseluruhan tahun itu, pelaburan portfolio bukan pemastautin mencatat aliran keluar bersih sebanyak RM9.6 bilion. Secara keseluruhan, akaun kewangan mencatat aliran keluar bersih sebanyak RM76.5 bilion pada tahun 2014.

Meskipun berlaku turun naik yang besar dalam aliran portfolio, kesan terhadap pasaran kewangan domestik diimbangi oleh pasaran kewangan yang mendalam dan pelbagai, dan permintaan yang berterusan daripada pelabur institusi domestik. Dengan fleksibiliti kadar pertukaran yang lebih tinggi, beberapa kejutan telah ditangani melalui pelarasan dalam kadar pertukaran ringgit. Pada masa yang sama, paras rizab antarabangsa yang

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

tinggi telah berfungsi sebagai penampan untuk mengelakkan turun naik yang berlebihan dalam kadar pertukaran.

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM405.3 bilion pada akhir tahun 2014 (2013: RM441.9 bilion). Pada 27 Februari 2015, paras rizab berjumlah RM386.0 bilion (bersamaan dengan USD110.5 bilion), yang mencukupi untuk membiayai 7.9 bulan import tertangguh dan ialah 1.1 kali hutang luar negeri jangka pendek. Rizab antarabangsa yang dipegang oleh Bank kekal boleh digunakan dan tiada halangan untuk menggunakannya.

Hutang luar negeri Malaysia berjumlah RM744.7 bilion, bersamaan dengan 69.6% daripada KDNK, pada akhir tahun 2014 (2013: RM696.6 bilion atau 70.6% daripada KDNK). Dari segi profil kematangan, lebih separuh daripada hutang luar negeri adalah bertempoh matang jangka sederhana hingga jangka panjang. Mengikut mata wang, 41.2% daripada hutang luar negeri terdiri daripada sekuriti hutang dalam denominasi ringgit dan deposit yang dimiliki oleh bukan pemastautin. Pada tahun itu, terutamanya pada suku keempat, kenaikan hutang luar negeri sebahagiannya disebabkan oleh kesan penilaian semula berikutan penyusutan nilai ringgit. Kesan penilaian semula ini merangkumi 42.0% daripada peningkatan dalam hutang luar negeri sebanyak RM48.1 bilion pada tahun itu. Tanpa mengambil kira kesan penilaian semula ini, peningkatan dalam peminjaman luar pesisir bagi tahun itu sebahagian besarnya mencerminkan ambilan peminjaman jangka pendek oleh bank-bank, dan peminjaman jangka sederhana hingga jangka panjang oleh sektor perbankan dan sektor swasta bukan bank. Peningkatan deposit bukan pemastautin dalam bank domestik juga telah menyumbang kepada hutang luar negeri yang lebih tinggi.

Peminjaman luar pesisir antara bank hanya menyumbang sebahagian kecil daripada jumlah pendanaan sistem perbankan. Peminjaman luar pesisir ini mencerminkan terutamanya operasi luar negeri bank-bank domestik yang meningkat dan operasi pengurusan mudah tunai mata wang asing secara berpusat. Dari segi peminjaman luar pesisir sektor swasta bukan bank, 70% daripada jumlah ini diperoleh daripada pemegang saham luar pesisir, syarikat induk dan syarikat bersekutu, manakala sebahagian besar daripada hutang ini dilindung nilai sama ada dari segi kewangan atau secara semula jadi. Tambahan pula, ujian tekanan yang dijalankan ke atas peminjam korporat bukan bank yang besar menunjukkan mereka berdaya tahan terhadap turun naik kadar pertukaran.

Pengurusan Ekonomi dan Monetari pada Tahun 2014

Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) telah menyelaraskan tahap akomodatif bagi dasar monetari dengan menaikkan Kadar Dasar Semalaman (OPR)

sebanyak 25 mata asas kepada 3.25% pada 10 Julai 2014. Ekonomi Malaysia dinilai berada pada landasan pertumbuhan yang mampan dan dengan prospek pertumbuhan ekonomi dalam negeri akan kekal berada pada trajektori pertumbuhan yang mampan ini pada tahun 2014. MPC juga mengambil kira kebimbangan yang berterusan tentang risiko ketidakseimbangan kewangan yang lebih meluas. Oleh yang demikian, pertimbangan utama adalah untuk mengenal pasti masa yang sesuai untuk membuat pelarasan, dengan mengambil kira penilaian yang berterusan dalam imbangan risiko terhadap prospek pertumbuhan dan inflasi. Menjelang bulan Mei 2014, jangkaan pada masa itu ialah pertumbuhan pada tahun 2014 berada pada julat paling atas dalam unjuran awal sebanyak 4.5% - 5.5%. Terdapat risiko inflasi menjadi tinggi yang lebih besar, dengan inflasi dijangka meningkat melebihi purata jangka panjangnya pada tahun 2014 dan 2015, didorong terutamanya oleh faktor kos dalam negeri, iaitu pelarasan harga ditadbir, dan pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST). Selanjutnya, walaupun pelaksanaan langkah kehematan makro dan mikro telah memberikan kesan yang dikehendaki dengan pertumbuhan yang menjadi sederhana dalam hutang isi rumah, MPC mendapati bahawa tempoh kadar faedah yang kekal tidak berubah dan rendah telah mewujudkan persekitaran taksiran risiko kurang daripada yang sebenar dan berpotensi memberikan insentif kepada ketidakseimbangan kewangan yang lebih meluas. Oleh itu, MPC memutuskan untuk menyelaraskan tahap akomodatif bagi dasar monetari dalam mesyuarat MPC pada bulan Julai 2014. Pelarasan kadar dasar ini telah disebarkan dengan efisien menerusi sistem kewangan dan ekonomi yang lebih luas. Kadar pinjaman runcit diselaraskan dengan cepat terhadap perubahan OPR. Pendeposit juga mendapat manfaat daripada kadar pulangan yang lebih tinggi untuk simpanan mereka.

Pada akhir tahun 2014, kemampanan permintaan luar negeri menjadi lebih tidak menentu berikutan peningkatan kebimbangan terhadap prospek pertumbuhan ekonomi global. Pertumbuhan global terus menjadi tidak sekata, dengan meningkatnya bukti bahawa momentum pertumbuhan lebih lemah daripada jangkaan dalam beberapa ekonomi utama. Di samping itu, peningkatan yang ketara dalam turun naik pasaran kewangan global dan penurunan mendadak harga minyak pada penghujung tahun 2014 telah meningkatkan lagi risiko yang dicetuskan oleh persekitaran luaran. Bagi inflasi, walaupun beberapa pelarasan harga telah dibuat, terdapat bukti yang terbatas mengenai kenaikan harga yang meningkat secara berleluasa. Ketiadaan tekanan harga luaran dan keadaan permintaan dalam negeri yang lebih sederhana juga dijangka mengurangkan kesan inflasi dorongan kos. Memandangkan persekitaran ekonomi dan kewangan yang berubah-ubah, dan ketidakpastian yang wujud terhadap prospek inflasi dan prospek pertumbuhan, MPC berpendapat bahawa menetapkan keadaan monetari

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

pada tahap semasa adalah wajar. Risiko ketidakseimbangan kewangan yang tidak stabil juga terus dipantau.

Prestasi ringgit pada tahun itu mengalami dua trend yang ketara. Antara bulan Februari hingga Ogos 2014, ringgit secara amnya berada pada trend pengukuhan disebabkan oleh aliran masuk portfolio yang mampan. Walau bagaimanapun, dari bulan September, ringgit bersama-sama dengan kebanyakan mata wang serantau, menghadapi tekanan susut nilai kerana para pelabur telah melupuskan pemegangan aset kewangan mereka dalam rantau ini dalam keadaan kerisauan tentang kemungkinan berlakunya perubahan dalam dasar monetari di AS, dan terdapatnya pelbagai tanda kelemahan dalam momentum pertumbuhan global. Bagi keseluruhan tahun 2014, ringgit menyusut nilai sebanyak 6.1% kepada RM3.4950 berbanding dengan dolar AS.

Pada tahun 2014, kadar hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) telah dipengaruhi oleh faktor dalam dan luar negeri. Bagi tempoh 11 bulan pertama, walaupun jangkaan pasaran dan kadar dasar yang akhirnya dinaikkan oleh Bank telah mendorong kepada pelarasan menaik pada kadar jangka pendek dalam keluk kadar hasil MGS, minat para pelabur bukan pemastautin dan pemastautin yang mampan telah menyumbang kepada peralihan ke bawah kadar jangka panjang dalam keluk kadar hasil MGS. Walau bagaimanapun, trend menurun ini telah beralih arah pada bulan Disember apabila pelabur pemastautin menyelaraskan kedudukan pelaburan mereka menjelang akhir tahun 2014.

Agregat mudah tunai terkumpul yang disimpan dengan Bank kekal tinggi walaupun terdapat pengeluaran bersih mudah tunai yang disebabkan aliran keluar bersih sektor luar negeri. Disebabkan aliran keluar bersih sektor luar negeri ini, mudah tunai sektor swasta, seperti yang diukur oleh wang secara luas (M3), berkembang pada kadar yang lebih sederhana sebanyak 7.0% pada tahun itu (2013: 7.9%).

Pembiayaan kepada sektor swasta kekal kukuh sepanjang tahun 2014. Pertumbuhan dalam pembiayaan bersih melalui sistem perbankan, institusi kewangan pembangunan (IKP) dan pasaran sekuriti hutang swasta (PDS) berkembang pada kadar tahunan 8.7% pada tahun 2014 (2013: 9.7%). Pertumbuhan dalam pinjaman terkumpul kepada sektor perniagaan meningkat kepada 9.0% dengan pertumbuhan dua angka yang berterusan dalam pinjaman PKS, dalam persekitaran tahap pemberian pinjaman yang lebih tinggi. Permintaan untuk pendanaan daripada pasaran modal oleh syarikat sektor swasta juga kekal mantap, dengan dana kasar yang diperoleh melalui terbitan bon dan ekuiti yang secarta relatifnya kekal stabil pada tahun

2014 pada RM101.3 bilion (2013: RM98.1 bilion). Sementara itu, dengan mengambil kira pembiayaan oleh bank dan bukan bank, pertumbuhan dalam pinjaman terkumpul kepada isi rumah terus sederhana sebagaimana yang dihasratkan berikutan pelbagai langkah diambil untuk membendung lebihan dalam ekonomi.

Prospek Ekonomi Malaysia pada Tahun 2015

Meskipun menghadapi persekitaran luaran dalam keadaan yang mencabar, ekonomi Malaysia dijangka mencatat pertumbuhan yang stabil antara 4.5% - 5.5% pada tahun 2015, disokong terutamanya oleh pertumbuhan permintaan dalam negeri yang mampan dalam keadaan asas-asas dalam negeri yang kukuh dan sektor eksport yang berdaya tahan. Permintaan dalam negeri akan terus menjadi peneraju pertumbuhan pada tahun 2015, dipacu oleh perbelanjaan sektor swasta. Selepas lima tahun berturut-turut mencatat pertumbuhan yang melebihi kadar pertumbuhan purata, penggunaan swasta diunjurkan berkembang 6.0% pada tahun 2015. Sementara pelaksanaan GST pada bulan April dan perolehan yang lebih rendah dalam sektor berkaitan komoditi dijangka memberikan kesan kepada perbelanjaan, ini akan diimbangi sebahagiannya oleh pendapatan boleh guna isi rumah yang lebih tinggi berikutan harga bahan api yang lebih rendah, keadaan pasaran pekerja yang menggalakkan dan langkah Kerajaan untuk membantu isi rumah berpendapatan rendah dan sederhana.

Selepas mencatat pertumbuhan dua angka selama tiga tahun, pelaburan swasta dijangka berkembang 9.0%, dalam keadaan pelaburan sektor perlombongan yang lebih rendah. Namun begitu, pertumbuhan pelaburan swasta akan disokong oleh projek yang sedang dilaksanakan dan pelaburan baharu dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan dengan firma mendapat manfaat daripada pemulihan global dan pengembangan permintaan dalam negeri yang berterusan.

Penggunaan awam diunjurkan berkembang dengan lebih sederhana, dengan perbelanjaan yang lebih rendah untuk bekalan dan perkhidmatan berikutan langkah rasionalisasi perbelanjaan Kerajaan. Walau bagaimanapun, pelaburan awam akan kembali pulih untuk mencatat pertumbuhan positif, dengan perbelanjaan modal yang lebih tinggi oleh perusahaan awam dan sebahagian kecilnya oleh Kerajaan Persekutuan. Pelaburan oleh perusahaan awam mencerminkan pelaksanaan projek infrastruktur utama yang berterusan, khususnya dalam subsektor utiliti dan pengangkutan.

Dalam sektor luar negeri, pertumbuhan eksport kasar diunjurkan menjadi sederhana selepas mencatat prestasi yang mantap pada tahun 2014, dalam keadaan harga komoditi yang lebih rendah. Walau bagaimanapun, eksport

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

keluaran perkilangan dijangka meningkat pada kadar yang lebih kukuh. Pertumbuhan import kasar dijangka lebih tinggi pada tahun 2015, dalam keadaan pertumbuhan import barangan pengantara yang berterusan berikutan pengembangan perkilangan berorientasikan eksport; dan pertumbuhan import modal dan penggunaan yang lebih tinggi selaras dengan pertumbuhan permintaan dalam negeri yang berterusan. Secara keseluruhan, imbangan perdagangan dijangka lebih kecil tetapi kekal dalam kedudukan lebihan. Akaun perkhidmatan diunjurkan untuk mencatat defisit yang lebih kecil, dengan jangkaan pemulihan dalam ketibaan pelancong. Secara keseluruhan, lebihan akaun semasa diunjurkan lebih rendah kepada 2%- 3% daripada PNK pada tahun 2015.

Dari segi penawaran, semua sektor ekonomi dijangka berkembang. Sektor perkhidmatan dan perkilangan akan kekal menjadi pemacu utama pertumbuhan keseluruhan. Pertumbuhan sektor perlombongan diunjurkan kekal mampan berikutan pengeluaran yang meningkat daripada medan minyak baharu. Kesan daripada harga komoditi yang lebih rendah, sektor pertanian dijangka mencatat pertumbuhan positif yang kecil. Sektor pembinaan dijangka terus mencatat pertumbuhan yang tinggi, meskipun pada kadar yang lebih sederhana. Walaupun aktiviti subsektor kediaman dijangka meningkat pada kadar yang lebih sederhana, pertumbuhan dalam subsektor bukan kediaman diunjurkan berterusan, manakala projek kejuruteraan awam berbilang tahun yang baharu dan yang sedia ada akan terus memberikan sokongan tambahan kepada sektor ini.

Inflasi keseluruhan diunjurkan lebih rendah, iaitu pada 2% - 3% pada tahun 2015, disebabkan terutamanya oleh harga tenaga dan makanan global yang lebih rendah. Penurunan harga minyak global akan menyebabkan harga bahan api dalam negeri yang lebih rendah menerusi mekanisme penentuan harga apungan terurus bagi bahan api. Tekanan harga luaran yang lebih lemah juga akan mengurangkan peningkatan kos import yang berpunca daripada penyusutan nilai ringgit baru-baru ini, sekali gus menurunkan inflasi yang diimport. Walaupun pelaksanaan GST akan menyebabkan harga yang lebih tinggi untuk beberapa barangan dan perkhidmatan, kesannya ke atas inflasi keseluruhan dijangka terkawal. Barangan keperluan asas adalah berkadar sifar atau dikecualikan daripada GST manakala untuk beberapa barangan dan perkhidmatan yang lain, GST akan hanya menggantikan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) yang sedia ada. Kadar inflasi pada tahun 2015 akan dipengaruhi oleh mekanisme penentuan harga bagi bahan api yang baharu dengan transmisi ketidaktentuan harga minyak global yang lebih langsung ke dalam harga dalam negeri berikutan penentuan harga keluaran bahan api dalam negeri berasaskan pasaran. Namun begitu, inflasi asas

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

dijangka secara relatif kekal stabil, dalam keadaan tekanan permintaan yang sederhana.

Pengurusan Ekonomi dan Monetari pada Tahun 2015

Persekitaran luaran pada tahun 2015 akan menjadi lebih mencabar. Meskipun keadaan bertambah baik, risiko prospek pertumbuhan global yang lebih perlahan adalah berterusan berikutan kelemahan yang berterusan dalam beberapa ekonomi utama. Selain itu, dengan prospek pertumbuhan yang tidak sekata, dasar monetari dalam ekonomi utama berkemungkinan akan berbeza-beza, yang mungkin menyebabkan peralihan yang besar dalam mudah tunai global dan menyumbang kepada ketidaktentuan yang lebih ketara dalam pasaran kewangan dan aliran modal global. Kejatuhan harga minyak yang mendadak serta ketidakpastian hala tuju harga minyak pada masa depan, berserta kesan susulan terhadap harga komoditi yang lain, akan memburukkan lagi persekitaran global yang mencabar. Dalam keadaan landskap yang mencabar ini, tumpuan dasar oleh Kerajaan dan Bank adalah pada usaha menangani kelemahan domestik dan menyokong pertumbuhan ekonomi Malaysia.

Dasar monetari pada tahun 2015 akan tertumpu pada usaha memastikan pertumbuhan ekonomi Malaysia yang stabil, dalam keadaan risiko terhadap inflasi yang terkawal. Persekitaran operasi bagi dasar monetari akan dipengaruhi oleh cabaran utama terhadap persekitaran luaran, yang dijangka memberikan kesan kepada prospek ekonomi dalam negeri secara keseluruhan. Ini termasuk risiko prospek pertumbuhan global menjadi lebih perlahan, prospek harga komoditi yang berubah, dan kemungkinan pembezaan dalam dasar monetari ekonomi-ekonomi utama. Meskipun wujudnya risiko luaran ini, permintaan dalam negeri dijangka meningkat pada kadar yang mampan manakala sektor eksport akan terus berdaya tahan. Dari segi prospek inflasi, pertimbangan utama bagi dasar monetari ialah perkembangan inflasi asas, yang dijangka secara relatif kekal stabil dalam keadaan tekanan permintaan yang sederhana. Selain itu, keputusan dasar monetari akan terus mengambil kira penilaian terhadap kemungkinan risiko peningkatan selanjutnya dalam ketidakseimbangan kewangan.

Dasar fiskal pada tahun 2015 akan tertumpu pada pengukuhan pengurusan fiskal, dalam keadaan persekitaran harga komoditi global yang rendah. Hasil berkaitan minyak yang dijangka lebih rendah telah mendorong Kerajaan untuk memperkenalkan langkah awalan pelarasan fiskal dan menyemak sasaran defisit fiskal daripada 3% kepada 3.2% daripada KDNK. Kesan bersih harga minyak yang lebih rendah terhadap kedudukan fiskal Malaysia dijangka terurus. Ini disebabkan oleh peningkatan pempelbagaian sumber hasil sejak beberapa tahun yang lalu, yang akan terus disokong oleh pelaksanaan GST,

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

dan langkah rasionalisasi perbelanjaan yang merangkumi pembaharuan subsidi bahan api dan pengecilan perbelanjaan mengikut budi bicara.

Sebagai sebuah ekonomi yang sangat terbuka, dan seandainya beberapa risiko luaran ini menjadi kenyataan, Malaysia akan terjejas tetapi asas-asasnya yang kukuh akan bertindak sebagai penampan untuk mengurangkan kesan itu. Malaysia mempunyai ekonomi yang pelbagai, inflasi yang rendah, dan kedudukan imbangan pembayaran yang berdaya tahan. Keadaan pasaran pekerja kekal kukuh. Pasaran kewangan yang mendalam, sistem perbankan yang kukuh dan mudah tunai yang lebih daripada mencukupi akan memastikan pengantaraan kewangan yang berkesan adalah berterusan dan akan memberikan sokongan kepada daya tahan Malaysia ketika berlakunya aliran modal yang tidak menentu. Hutang luar negeri kekal terurus dengan majoriti hutang mempunyai tempoh matang dalam jangka masa sederhana dan panjang, dan lebih daripada 40% dalam denominasi ringgit. Keadaan ini, bersama-sama dengan rizab antarabangsa yang lebih daripada mencukupi, memberi fleksibiliti dasar kepada ekonomi untuk mengurus risiko luaran. Secara kumulatif, gabungan faktor ini akan membolehkan tindak balas dasar yang lebih berkesan untuk mengurangkan kesan daripada sebarang kejutan luaran terhadap permintaan dalam negeri.

Penyata Kewangan Bank Negara Malaysia yang Diaudit bagi Tahun 2014
Kedudukan kewangan Bank Negara Malaysia, yang telah diaudit dan disahkan oleh Ketua Audit Negara, kekal kukuh pada tahun 2014. Aset Bank Negara Malaysia berjumlah RM427.6 bilion, dengan keuntungan bersih sebanyak RM6.4 bilion bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014. Bank Negara Malaysia mengumumkan pembayaran dividen sebanyak RM3.0 bilion kepada Kerajaan bagi tahun 2014.

Bank Negara Malaysia
11 Mac 2015

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my